



Majlis

**Hari Kualiti KUTKM
2004**

16 September 2004 (Khamis)
Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka

Nama	: Ahmad bin Abu Bakar
No. Staf	: 00057
Jawatan	: Pembantu Perpustakaan
Pejabat	: Pejabat Perpustakaan

Ahmad berasa amat bersyukur ke hadrat ilahi kerana dengan keizinan-Nya, beliau telah dipilih sebagai salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kali ini. Sesungguhnya, pengiktirafan ini sangat besar ertinya kepada beliau kerana ia menjadi penyuntik semangat dalam usahanya mempertingkatkan lagi kecemerlangan prestasi, khususnya di Perpustakaan dan dalam KUTKM amnya.

Beliau yang bertugas sebagai Pembantu Perpustakaan mulai 14 Mei 2001 beranggapan kecemerlangan tidak mungkin datang bergolek tanpa usaha gigih yang berterusan. Justeru, untuk mencipta kecemerlangan beliau sentiasa mendisiplinkan diri serta berusaha memenuhi setiap tugas serta arahan dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi. Beliau sering berhadapan dengan kerenah pelanggan apabila bertugas di kaunter namun baginya kepuasan pelanggan perlu diutamakan terlebih dahulu.

Di samping melaksanakan tugas harian, Ahmad turut melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai aktiviti Universiti seperti menjayakan Minggu Haluan Siswa dan menjadi fasilitator semasa Kursus Induksi Umum untuk Kumpulan Sokongan anjuran Jabatan Pembangunan Sumber Manusia. Di peringkat jabatan pula, beliau memegang jawatan sebagai Bendahari Kelab Staf Perpustakaan (LISTAC) di samping menyelaraskan semua aktiviti sukan di Perpustakaan. Ahmad turut memberikan sumbangan melalui penglibatannya dalam bidang sukan apabila mewakili KUTKM dalam Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti dan Sukan Melaka.





Nama	: F. Haslinda binti Harun
No. Staf	: 00286
Jawatan	: Pembantu Perpustakaan
Pejabat	: Pejabat Perpustakaan

F. Haslinda amat berterima kasih kepada pihak pengurusan di Pejabat Perpustakaan yang telah banyak membimbingnya hingga beliau mampu melaksanakan tugas beliau dengan lebih mudah dan efektif lagi.

Amalan yang beliau praktikkan selama ini sebagai seorang Pembantu Perpustakaan ialah bersikap bertanggungjawab terhadap setiap perkara yang dilakukan. Saya juga sentiasa mendidik diri agar menerima segala teguran mahupun kritikan dengan hati yang terbuka. Perkara ini penting bagi mewujudkan situasi kerja yang lebih selesa. Persekitaran yang harmonis dan sikap saling hormat menghormati sesama rakan sekerja banyak membantu beliau dalam menyempurnakan tanggungjawabnya dengan lebih produktif.

Sumbangan Haslinda tidak hanya tertumpu dengan kerja-kerja di jabatan semata-mata. Malah, beliau juga sentiasa memberikan kerjasama dengan pihak pengurusan KUTKM. Beliau banyak melibatkan diri dalam bidang sukan serta membantu dalam penganjuran peringkat KUTKM.

